PRAKTIS 5

Baca sajak dibawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan - soalan yang berikut.

Aku

Tidak ada manusia lain
di pantai ini
Kecuali aku

Kususur pasir panjang
Sambil ku bayangkan
Aku ini Adam

Hari inilah aku tercipta
Dan pertama kali melihat
Laut, langit dan pohon.

Kelmarin aku belum reda
Tidak terdengar oleh ku
Bunyi ombak itu

tidak terasa oleh ku
sentuhan angin ini
Bertiup di mana-mana

Bah kan aku tidak tahu
Kulit kerang dan rhu
Pernah wujud di sini

Tuhan
aku percaya Kau Pencipta
Kerana aku baru ada

(dipetik dari Analog Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1 KementerianPendidikan Malaysia)

1. Berdasarkan rangkap ketiga, berikut merupakan perkara-perkara yang pertama kali di lihat oleh penyajak, kecuali..

A. Laut B. pohon

C .langit D. sungai

2. Nada yang digunakan dalam sajak di atas ialah

A. Sinis C. patriotik

B. Romantis D. melankolik

Aku percaya Kau Pencipta
Kerana aku baru ada

3. Antara yang berikut , yang manakah unsur gaya bahasa yang terdapat dalam sajak diatas?

A. Repetisi C. unsur alam

B. Kata ganda D. perlambangan

4. Sajak Aku bertemakan

A. Kerjasama dalam melaksanakan tugas

B. Kecintaan manusia kepada orang yang tua daripada kita

C. Sifat dan amalan baik yang harus diamalkan oleh manusia dalam kehidupan

D. Kecintaan manusia kepada Penciptanya.

5. Pada pendapat anda , mengapakah kita perlu menginsafi diri?

A. supaya kita dapat merasai sentuhan angin yang bertiup

B. Supaya kita tidak melakukan perkara yang membawa kemurkaan Tuhan

C. Supaya kita dapat menikmati kehidupan di dunia

D. Supaya kita sentiasa bersyukur dan menghargai alam ciptaan Tuhan

LIVEWORKSHEETS